

04/12/1999

Exco angkat sumpah Selasa

Ziauddin Sharuddin

SEREMBAN, Jumaat - Upacara mengangkat sumpah Menteri Besar dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) baru negeri ini akan diadakan di Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah, Selasa ini.

Menteri Besar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Linggi, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, dijangka mengetuai upacara itu yang bermula jam 9 pagi.

Menurut seorang pegawai Bahagian Protokol negeri, Menteri Besar dan Exco akan mengangkat sumpah di depan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar.

Isnin ini, Mohd Isa yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Badan Perhubungan Umno Negeri dijangka menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya untuk mengemukakan senarai nama calon Exco baru.

Seorang pegawai di Pejabat Menteri Besar di sini, berkata pertemuan itu berlangsung jam 10 pagi dan pada jam 3 petang, Mohd Isa akan menemui Tuanku Jaafar bagi memaklumkan kemenangan BN dan senarai anggota Exco baru.

Sementara itu, beberapa muka baru akan dilantik sebagai Exco berikutan dua bekas Exco, Datuk Napsiah Omar dan Datuk Goh Siow Huat, bertanding di Parlimen Kuala Pilah dan Rasah.

Bekas Exco, Datuk M Sundram, pula tidak bertanding dalam pilihan raya lalu, manakala Datuk Waad Mansor yang mempertahankan Dewan Undangan Negeri (DUN) Gemencheh, meletakkan jawatan Exco berikutan kes rasuah yang dihadapinya, tetapi dibebaskan baru-baru ini.

Selain itu, difahamkan beberapa Exco sedia ada dijangka digugurkan.

Anggota Exco lain yang menang dalam pilihan raya lalu ialah Datuk Lilah Yasin (DUN Serting), Datuk Darus Salim Bulin (Johol), Datuk Shamsul Bahari Mat (Klawang) dan Datuk Dr Yeow Chai Thiam (Lukut).

Beberapa muka baru yang berpotensi dilantik sebagai Exco ialah Adun Ampangan yang juga Setiausaha Kerja Umno negeri, Zakaria Nordin; Adun Senaling, Ismail Lasim dan Adun Rantau, Ab Ghani Hassan.

Kuota MCA dijangka diisi oleh Adun Temiang, Lee Yuen Fong, yang menewaskan bekas Pengerusi Kebangsaan DAP, Dr Chen Man Hin atau Adun Nilai, Peter Lai Yit Fee.

Adun Senawang, iaitu wakil tunggal dari Gerakan, Datuk Woo Ah Lek, turut disebut-sebut dilantik Exco, manakala kuota MIC dijangka diisi oleh Adun Jeram Padang, T Rajagopal.

(END)